

12/02/2000

Usaha kekal Malaysia Hall bermula

Azizi Othman in London

LONDON, Jumaat - Usaha awal untuk mengekalkan Malaysia Hall di Bryanston Square di sini, menampakkan tanda positif apabila pertemuan sulung wakil Malaysia dengan pemilik asal pajakan bangunan itu, Portman Estates, semalam, berlangsung dalam suasana persefahaman.

Sumber-sumber memberitahu Berita Harian, pertemuan kedua pihak terbabit disifatkan wakil Malaysia sebagai berkesan dan berjaya membuka laluan untuk perbincangan peringkat seterusnya.

Pada pertemuan itu, wakil Malaysia diketuai Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Britain, Datuk Mohd Amir Jaffar dan Pengarah Jabatan Penuntut Malaysia, (MSD), Abdul Rahim Mohamad manakala Portman Estates oleh Ketua Eksekutifnya.

"Umumnya, perjumpaan pertama wakil Malaysia dengan eksekutif Portman Estates itu berjaya memberi gambaran mengenai peluang kita untuk mengekalkan Malaysia Hall di lokasinya ketika ini.

"Bagaimanapun, dalam pertemuan itu kedua-dua pihak masih belum membincangkan secara langsung mengenai hasrat Malaysia untuk memperbaharui tempoh pajakan atau membeli hak pegangan bebas bagi bangunan Malaysia Hall.

"Ini kerana, kita percaya mereka faham mengenai hasrat kita berbuat demikian dengan mengadakan pertemuan itu," kata sumber berkenaan yang turut hadir dalam perjumpaan terbabit.

Beliau berkata, wakil Malaysia belum memulakan rundingan rasmi kerana masih pada peringkat membuat pelbagai persediaan bagi membolehkan ia mempunyai cukup kredibiliti apabila perbincangan itu dimulakan.

Sumber itu juga berkata, sehingga ini pihak Malaysia belum berhasrat mendedahkan butiran terperinci mengenai rundingan terbabit kerana ia masih terlalu awal untuk diketengahkan.

"Umumnya, kita belum pasti sejauh mana peluang kita dan bimbang sebarang kenyataan rasmi yang dibuat mungkin menjejaskan peluang kita mendapat pakej terbaik," katanya.

Sebelum ini, Berita Harian melaporkan rundingan sulung ke arah mengekalkan Malaysia Hall di tempat sedia adanya di Bryanston Square, akan dimulakan pada tarikh itu.

Langkah itu dibuat sejajar kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, ketika berada di sini baru-baru ini, bahawa kerajaan berhasrat untuk terus mengekalkan Malaysia Hall di lokasi sedia adanya.

Berikutan kenyataan itu, MSD yang menjadi penghuni dan pentadbir utama Malaysia Hall dikatakan menerima 'lampu hijau' daripada Kementerian Pendidikan untuk mengorak langkah mendapatkan lanjutan pajakan itu.

Malaysia Hall, yang membabitkan tiga blok bangunan di Bryanston Square, diduduki MSD dengan hak pajakan daripada Portman Estates iaitu satu daripada pemilik hartanah paling kaya di Britain.

Dua daripada blok bangunan yang menjadi alamat kepada MSD dan Malaysia Hall itu akan tamat tempoh pajakannya tahun depan manakala yang satu lagi akan lupus pada tahun 2013.

Penamatan tempoh pajakan itu menimbulkan persoalan berhubung masa depan Malaysia Hall, menyebabkan banyak pihak di sini mendesak pihak berwajib segera bertindak untuk mendapatkan hak lanjutan mendiami premis berkenaan.

Difahamkan, jika rundingan mengenainya dimulakan, ia akan membabitkan ketiga-tiga blok bangunan terbabit sekali gus bagi mengelak ia hanya selesai separuh jalan dan masalah sama berulang lagi pada tahun 2013.

( END )